

SHAH Alam mencatatkan bacaan IPU
sangat tidak sihat, semalam.

'Gadai nyawa'

■ Orang ramai tak hirau keselamatan anak, bayi
apabila masih beriadah tanpa penutup hidung

Harian Metro
5/10/2015
mls 8



LEMAS DALAM JEREBU

Oleh Nur Lela Zulkipli, Siti A'isyah Sukaimi, Mahaizura Abd Malik dan Ayusliza Azizan
am@hmetro.com.my
Shah Alam

Biarpun beberapa kawasan sekitar Lembah Klang mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) sangat tidak sihat termasuk rekod tertinggi 308 di bandar raya ini pada sebelah pagi semalam, orang ramai dilihat bagaikan 'kebal' apabila tidak menghiraukan keselamatan diri dan keluarga terutama anak kecil dengan masih melakukan aktiviti luar.

Tinjauan mendapati segelintir ibu bapa sanggup 'menggadaikan nyawa' anak kecil termasuk bayi ke taman rekreasi dan tasik sekitar daerah ini untuk beriadah sedangkan jerebu berada pada

tahap sangat tidak sihat.

Di taman Tasik Shah Alam di Seksyen 14 di sini, ibu bapa kelihatan membawa anak dan bayi mereka bermain di taman permainan tanpa memakai penutup hidung sedangkan keadaan jerebu ketika itu amat tebal.

Ketika ditemui kebanyakan mereka mengakui tidak mengambil langkah menjaga kesihatan anak-anak malah membiarkan mereka bermain tanpa memakai penutup hidung.

Pada jam 9 pagi semalam, IPU di Shah Alam merekodkan bacaan 308 iaitu sangat tidak sihat dan menurun kepada 249 pada jam 2 petang.

Pengunjung Nor Faizah Abd Ghani, 34, berkata, dia memastikan membawa penutup hidung untuk kegunaan anak-anaknya sebelum dibawa bersiar-siar berikutan bimbang anaknya disorang batuk dan selesema.

"Namun anak saya tidak mahu memakainya kerana memberi alasan ramai yang

INFO JEREBU

Kemungkinan kesan kesihatan termasuk:

- Kesukaran untuk bernafas
- Serangan jantung
- Gatal pada tekak
- Gatal pada mata
- Jangkitan pada bahagian atas saluran pernafasan
- Gatal-gatal pada kulit
- Penyakit paru-paru (seperti asma, bronkitis, dan resdung)
- Sekiranya terdedah dalam jangka masa yang lama boleh mengakibatkan penyakit kardiovaskular dan darah tinggi.
- Bagi kanak-kanak pula sekiranya terdedah dalam jangka masa yang lama boleh menyebabkan perkembangan paru-paru terbantut.

Langkah penjagaan penutup hidung mesti digunakan jika IPU melebihi 200.

- Bagaimanapun bagi mereka yang berisiko tinggi seperti pesakit lelah, jantung dan paru-paru serta warga emas dan kanak-kanak, adalah dinasihatkan memakai penutup hidung walaupun IPU lebih rendah daripada itu.
- Orang ramai juga dinasihatkan minum air yang banyak, basuh bahagian tubuh terdedah kepada jerebu dan kurangkan aktiviti di luar rumah.
- Perokok juga dinasihatkan tidak merokok apabila keadaan udara berada pada tahap tidak sihat iaitu IPU melebihi 100.

Sumber: Kementerian Kesihatan

semasa menggunakan penutup hidung itu. Jadi saya simpan saja di dalam beg apatah lagi penutup hidung yang dijual hanya sesuai untuk kegunaan golongan dewasa.

"Walaupun jerebu, saya lihat ada yang membawa bayi kecil dan keadaan itu sangat membahayakan," katanya yang mempunyai dua anak.

Dian Iskandar Mohd Diah, 37, berkata, dia yang tinggal di Saujana Putra, Banting, membawa anak-anaknya berjalan-jalan di Shah Alam selepas mendapati jerebu semakin berkurangan berbanding kelmarin.

"Saya sedar walaupun ada sedikit berkurangan, keadaan masih berjerebu dan boleh menjejaskan kesihatan anak terutama yang masih kecil.

"Namun tasik ini nampak lebih sesuai untuk mereka bermain kerana ada banyak pokok berbanding membawa mereka bermain di kawasan terbuka seperti di padang," katanya.

Di Kuala Lumpur, segelintir ibu bapa seolah-olah tidak peka malah tidak mengetahui bacaan IPU dari semasa ke semasa.